

04 MAR 2000

20 BAHAGIAN UMNO SABAH NYATAKAN SOKONGAN BAGI DR MAHATHIR

SEPANG, 4 Mac (Bernama) -- Semua 20 bahagian Umno di Sabah bersepakat supaya jawatan presiden dan timbalan presiden tidak dipertandingkan pada pemilihan parti Mei depan.

Keputusan itu telah disampaikan sendiri oleh ketua-ketua bahagian itu kepada Perdana Menteri semasa perjumpaan dengannya di Putrajaya, dekat sini, semalam, kata Ketua Umno Bahagian Tenom, Rizalman Abdullah hari ini.

Pengerusi Umno Sabah, Datuk Osu Sukam hadir sama pada pertemuan itu.

Rizalman yang juga setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan berkata, keputusan bahagian-bahagian itu mencerminkan keputusan mesyuarat cawangan parti itu yang rata-rata mahukan kepimpinan yang ada sekarang dikekalkan.

"Kami (bahagian-bahagian) merasakan tidak perlu ada pertandingan dan kami akur dengan keputusan Majlis Tertinggi supaya jawatan presiden dan timbalan presiden tidak dipertandingkan," katanya kepada pemberita selepas mewakili Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Nazri Aziz di perasmian seminar Pembangunan Usahawan, di sini.

Beliau berkata, di bahagian Tenom sahaja kesemua 193 cawangan yang mengadakan mesyuarat masing-masing telah mencalonkan Dr Mahathir dan Abdullah masing-masing bagi jawatan presiden dan timbalan presiden.

Ditanya respon Dr Mahathir semasa perjumpaan mereka semalam, Rizalman berkata Perdana Menteri mengucapkan terima kasih kepada anggota dari semua peringkat kerana memberi kepercayaan kepada beliau untuk meneruskan kepimpinan parti.

-- BERNAMA

ARA PR